

ENAKMEN 1912: Satu Tinjauan Awal

Dayang Hajah Siti Aisah binti Pungut

Pendahuluan

Kebanyakan undang-undang yang ada sekarang adalah terbit daripada adat tradisi yang tersebar secara lisan dan kemudiannya dilegitimasi dan diperakui sebagai undang-undang. Sebelum dikenali sebagai undang-undang, ia juga dikenali sebagai hukum adat. Pemahaman pada definisinya juga berubah-ubah mengikut kehendak zaman. Jika dilihat pada definisi moden, undang-undang adalah satu peraturan hidup yang mesti dipatuhi oleh setiap masyarakat kerana masyarakat merupakan suatu badan yang menjalankan perintah dan hukuman kepada sesiapa sahaja ahli masyarakat yang melanggarnya.

Namun dalam konteks Melayu tradisi, definisi undang-undang ialah adat kebiasaan yang dipegang dan hidup dalam diri bangsa Melayu itu tanpa sebarang paksaan. Akan tetapi sebelum sesuatu tingkah laku itu menjadi adat dan seterusnya menjadi undang-undang, ia haruslah diperakui, diamalkan dan seterusnya diperturunkan kepada generasi berikutnya. *Undang-Undang Melayu Lama* ialah suatu peraturan dan adat istiadat yang diwarisi daripada satu generasi ke generasi yang lain. Ia juga berperanan untuk menjaga keselamatan negara dan menjamin kedudukan raja-raja yang memerintah pada masa itu.

Undang-Undang Melayu Lama ini berasal daripada peraturan atau adat yang tidak bertulis, setelah diadun dan disesuaikan barulah kemudiannya dicatatkan atau dikanunkan. Selain menjaga keselamatan dan tata tertib dalam masyarakat Melayu tradisional, ia juga menggambarkan corak pemikiran dan pandangan hidup orang Melayu pada masa lalu. *Undang-Undang Melayu Lama* dikenali juga sebagai undang-undang adat atau hukum adat yang telah wujud sejak zaman Medieval Melayu di Melaka. Manuskrip undang-undang seperti *Hukum Kanun Melaka* ataupun *Undang-Undang Melayu Melaka*, *Adat Aceh*, *Adat Palembang*, *Undang-Undang Dua Belas*, *Undang-Undang Kedah*, *Undang-Undang 99 Perak* dan *Hukum Kanun Brunei* adalah antara perkanunan hukum adat dan undang-undang Islam yang dipercayai digunakan dalam pemerintahan

negeri pada zaman dahulu¹.

Hukum Kanun Brunei

Selepas kejatuhan Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511, Brunei telah menjadi penggerak kepada perkembangan Islam di sebelah timur kepulauan Melayu hingga ke kepulauan Filipina. Islam mula berkembang secara sihat di Brunei dan diterima baik oleh raja dan rakyatnya. Brunei telah memilih corak pemerintahan negara secara beraja dengan rasminya sejak awal KM XV lagi iaitu sejak pengislaman Sultan Brunei yang pertama. Pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Hasan (TM 1582 – 1598) *Hukum Kanun Brunei* telah sempurna dilaksanakan, dan telah dikuatkuasakan pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Jalilul Akhbar (TM 1598 – 1659).

Kandungan *Hukum Kanun Brunei* ini jelas mencakupi bidang yang luas dalam pelaksanaan hukum syarak². Walaupun *Hukum Kanun Brunei* berasaskan undang-undang Islam namun masih terdapat unsur-unsur hukum adat Melayu pada sebilangan undang-undang tersebut. Jika diperhatikan dengan teliti kandungan fasal-fasal di dalamnya adalah bersesuaian dengan hukum syarak walaupun kelihatan ringkas dan padat. Kesesuaian itu dapat dilihat dalam hukum-hukum yang meliputi bidang yang luas walaupun peruntukan di dalam *Hukum Kanun Brunei* ini terhad. Ia meliputi undang-undang Jenayah, Hudud, Qisas dan Tazir, undang-undang Muamalat, undang-undang Keluarga seperti pinang-meminang, nikah, cerai dan fasakh, undang-undang acara dan keterangan³.

Hukum Kanun Brunei terns digunapakai dalam sistem pentadbiran negeri sehinggalah kedatangan pengaruh British ke seluruh Kepulauan Melayu pada awal KM XVIII. British mula bertapak di Brunei pada tahun 1847 iaitu setelah termeterainya Perjanjian Perdagangan dan Persahabatan yang seterusnya membawa Brunei sehingga menjadi salah satu wilayah naungan British. Pada tahun 1905 – 1906, sistem Residen mula diperkenalkan di Brunei yang sekaligus meletakkan Residen British sebagai pemerintah dan segala urusan pentadbiran terletak di tangan Residen kecuali hal-hal yang bersangkutan dengan ugama Islam. Bermula dari saat itulah berlakunya dualisme dalam sistem pemerintahan negeri termasuklah dalam sistem

¹ Ensiklopedia Malaysiana, Anzagain Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1995, h. 119-121.

² Profesor Dato Dr. Haji Mahmud Saedon bin Awang Osman, 'Kanun Brunei: Faktor Kajian Penerapan Syariah Islam di Brunei', Masa Silam Serana Masa Depan: Kumpulan Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei II, Jabatan Pusat Sejarah, Bandar Seri Begawan, 1999.

³ Ibid

perundangan.

Enakmen (No. 1/1912) atau *Muhammadan Laws*

Undang-undang bertulis yang pertama selepas sistem Residen diperkenalkan ialah Enakmen Undang-Undang Islam 1912 (No. 1/1912) atau *Muhammadan Laws*. Dengan tergubalnya undang-undang tersebut, maka bermulalah sistem perundangan dualisme di antara undang-undang Kanun Brunei yang bercorak tradisi dengan undang-undang moden yang diperkenalkan oleh Residen British. Namun undang-undang ini hanya dikhaskan atau digunapakai pada orang-orang Islam sahaja. Undang-undang ini merupakan perundangan moden yang pertama dalam Islam khususnya tentang bab 'nikah cerai'. Undang-undang ini diluluskan pada tahun 1911 dan mula dikuatkuasakan pada 1 Julai 1912, iaitu sewaktu zaman Sultan Muhammad Jamalul Alam II memerintah (1906-1924).

Menurut M.B. Hooker dalam *Undang-Undang Islam di Asia Tenggara*⁴, Enakmen 1912 ini mempunyai beberapa persamaan dengan Undang-Undang Islam di Borneo Utara (Sabah) dan Sarawak dari segi kandungannya yang masih bercampur aduk di antara hukum syarak dengan adat tempatan. Undang-undang ini mengandungi 18 seksyen. Antara kandungan seksyen-seksyen tersebut ialah:

Seksyen 1 dan 2:

Mengandungi penerangan berkenaan dengan tajuk dan tarikh mula berkuatkuasa serta pernyataan bahawa undang-undang tersebut hanya dipakai terhadap orang Islam sahaja.

Seksyen 3:

Menetapkan Sembahyang Fardhu Jumaat di masjid adalah wajib dan sekiranya gagal berbuat demikian boleh didenda 50 sen setiap kali engkar.

Seksyen 4:

Tentang hal melarikan anak dara orang, hukuman yang ditetapkan ialah penjara enam bulan dan Benda dua kali ganda mas kahwin yang biasa dibayar untuk berkahwin dengan anak dara yang sama tarafnya.

Seksyen 5:

Kesalahan anak yang lari dari rumah atau lari daripada kawalan penjaga dan terlibat dengan gejala sosial seperti pelacuran, hukumannya, kadi akan menyaman dan memberi amaran untuk menghentikan perbuatan tersebut. Jika

⁴ Hooker, M.B., *Undang-Undang Islam di Asia Tenggara*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991, h.201.

dia gagal untuk mematuhi maka dia akan di penjara selama tiga bulan dan bagi kesalahan kedua pula dia boleh di buang negeri.

Seksyen 6:-

Membincangkan tentang persetubuhan haram atau zina yang boleh dihukum penjara sehingga sate tahun dan denda sehingga \$250.00. Disebutkan juga bahawa adalah salah di sisi undang-undang bagi kedua-dua pihak yang berzina, tetapi berkahwin kemudian. Sebaliknya mereka yang bersekedudukan boleh diperintah oleh kadi supaya bernikah. Sekiranya gagal untuk mematuhi perintah ini maka akan didenda sebanyak \$10.00. Seksyen ini dibaca bersama dengan seksyen 13.

Seksyen 7:

Menyebutkan tentang sumbang mahram iaitu melakukan persetubuhan haram dengan orang yang tidak boleh dikahwini. Jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara sehingga lima tahun.

Seksyen 8 dan 9:

Membincangkan mungkir janji pertunangan. sesiapa yang telah mengikat kontrak atau dengan perkataan lain, bertunang dan kemudiannya enggan berkahwin, hendaklah dia membayar kepada pihak yang tidak bersalah dengan nilai mas kahwin (nilai yang biasa dibayar atau sepatutnya akan dibayar) serta kedua-dua pihak hendaklah memulangkan semua barang hantaran. Hukuman yang telah ditetapkan pada seksyen 9 pula adalah bagi sesiapa yang bersubahat memecah kontrak pertunangan dengan denda sehingga \$10.00 dan penjara sehingga 14 hari.

Seksyen 10:

Mengandungi akta bagi pengharaman sebarang ceramah agama di khalayak ramai kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Sultan. Pada sesiapa yang mengajarkan agama tanpa kebenaran atau dengan kebenaran mengajar ajaran palsu didenda \$25.00.

Seksyen 11:

Membincangkan hukum 'Nusyuz' yang ditakrifkan sebagai isteri yang meninggalkan suaminya tanpa kebenaran Kadi. Hukuman baginya ialah denda \$10.00 dan bayaran penebusan seperti yang diperintahkan oleh Kadi. Namun pada seksyen ini tiada disebut hukuman bagi suami yang meninggalkan isteri.

Seksyen 12:

Mewajibkan seorang suami memberikan nafkah kepada isteri dan

keluarganya mengikut kadar pendapatannya seperti yang diperintahkan oleh Kadi. Kegagalan mematuhi perintah Kadi boleh dihukum denda \$10.00 dan juga penjara.

Seksyen 13:

Menyatakan bahawa seorang Kadi hares menyaman serta menasihati seseorang yang terlibat dengan sebarang kes pelacuran. Jika dia engkar maka dijatuhkan hukuman penjara tidak lebih dari tiga bulan dan pada kesalahan kedua hendaklah dia dibuang negeri.

Seksyen 14:

Mengandungi akta bagi orang yang bersekedudukan. Jika Kadi mengetahui adanya dua orang yang halal nikah tinggal di bawah satu bumbung tanpa nikah maka Kadi akan mengarahkan orang tadi untuk bernikah dan jika engkar maka akan didenda sebanyak \$10.00.

Seksyen 15 hingga 17:

Memperuntukkan hal-hal berkenaan dengan proses kehakiman. Proses kehakiman yang dimaksudkan adalah peruntukkan bidang kuasa yang dibahagikan di antara dua buah mahkamah iaitu Mahkamah Kadi dan Mahkamah Majistret. Peraturan ini adalah sama dengan peraturan yang wujud di Borneo Utara (Sabah) dan Sarawak pada masa itu. Peruntukkan ini adalah antara peruntukkan yang paling unik di dalam Enakmen 1912.

Seksyen 18:

Seksyen terakhir dalam Enakmen 1912. Semua denda yang dikenakan diserahkan kepada Tabung Agama Islam atau *The Muhammadan Religious Fund*.

Mahkamah Kadi mempunyai bidang kuasa bagi kesalahan-kesalahan seperti tidak menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat (Seksyen 3), mungkir janji dalam pertunangan (Seksyen 8 dan 9), nusyuz dan nafkah (Seksyen 11 dan 12) dan kesalahan bersekedudukan tanpa nikah (Seksyen 14).

Manakala Mahkamah Majistret pula membicarakan kesalahan-kesalahan seperti melarikan anak dara orang (Seksyen 14), anak dara yang lari dari jagaan ibu bapa dan terlibat dalam kegiatan maksiat (Seksyen 5), berzina (Seksyen 6), sumbang mahram (Seksyen 7) menyebarkan pengajaran agama tanpa autoriti (Seksyen 10) dan kesalahan-kesalahan berkenaan dengan pelacuran (Seksyen 13).

Pada setiap mahkamah sama ada Mahkamah Kadi atau Mahkamah Majistret dibolehkan untuk melantik pengapit yang beragama Islam untuk

turut bersidang dalam setiap perbicaraan, walau bagaimanapun mahkamah tidak akan terikat untuk mematuhi pendapat para pengapit yang dilantik. Perkara tersebut dinyatakan di dalam Seksyen 16 Enakmen ini di dalam peruntukkan hal-hal berkenaan dengan proses kehakiman sebagaimana yang telah dinyatakan tadi. (Seksyen 16). Sebarang rayuan atau keputusan perbicaraan bagi Mahkamah Kadi akan dihadapkan kepada Sultan manakala Mahkamah Majistret akan merujuk kepada Residen British sebagaimana Perjanjian 1905/06.

Enakmen 1912 dan Masyarakat Brunei

Untuk lebih memahami tentang sejarah dan cara hidup sesebuah masyarakat itu perlulah dilihat sejarah dan persejarahannya. Sejarah awal sesebuah masyarakat seringkali dikaitkan dengan sejarah awal penemuan atau pembukaan negara yang dapat dikaji melalui tiga sudut iaitu daripada sumber arkeologi dan material budaya; sumber cerita rakyat atau tradisi lisan; dan sumber dokumen sejarah tempatan dan catatan di luar negara.

Undang-undang bolehlah dianggap sebagai suatu karya yang boleh menggambarkan keadaan masyarakat yang menciptanya. Secara dasarnya masyarakat Brunei⁵ pada zaman dahulu khususnya sebelum kedatangan British, hidup mereka berpandukan kepada empat dasar perundangan yang telah diamalkan sejak zaman-berzaman lagi. Empat bentuk perundangan itu ialah Hukum Kanun, Hukum Syara', Adat Istiadat dan Adat Resam. Hampir keseluruhan lapisan masyarakat mempraktikkan keempat-empat sistem perundangan tadi namun, di antara empat perundangan tadi sistem perundangan secara Adat Resam begitu meluas diamalkan di kalangan golongan rakyat biasa kerana ia berbentuk bebas mengikut pegangan sesuatu kaum itu.

Apa yang nyata, perkara yang bersangkutan dengan adat resam dan adat istiadat sama sekali tidak disentuh dalam Enakmen 1912. Perkara ini tidak disebut mungkin kerana berdasarkan kepada Perjanjian 1906, Residen British tidak akan mencampuri hal-hal yang berkenaan dengan agama dan adat istiadat dan akan membiarkannya terus diamalkan di kalangan rakyat sebagai suatu warisan.

Hukuman dan kesalahan yang terkandung dalam Enakmen 1912 atau *Muhammadan Laws* sebagaimana yang telah dinyatakan tadi, jika diteliti mengandungi kesalahan-kesalahan yang bersangkutan dengan kesalahan

⁵ Masyarakat Brunei terdiri daripada tujuh puak yang merujuk kepada rakyat jati.

dari segi agama dan jenayah sahaja seperti melarikan anak dara orang, tidak menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat, pemberian nafkah dan lain-lain lagi. Perkara ini menunjukkan bahawa pada waktu itu sudah ada berbagai jenis kesalahan yang di kira boleh membawa kepada suatu perkara yang lebih besar lagi dan sudah ada orang yang melakukannya sehinggakan akta-akta tersebut diwujudkan. Misalnya, akta yang memperuntukkan bagi kesalahan zinc, pelacuran dan lari dari rumah, berdasarkan daripada kesalahan-kesalahan tersebut bolehlah dilihat gambaran situasi masyarakat pada masa itu dengan tahap pendidikan yang hanya tertumpu pada orang-orang tertentu serta keadaan sosial yang belum stabil mungkin menyebabkan mereka (masyarakat Brunei) amat mudah terpengaruh dengan segala pembaharuan yang dibawa oleh pihak British pada masa itu.

Bentuk denda atau jumlah denda yang dikenakan pula bolehlah dikira berpatutan bagi setiap kesalahan yang dilakukan. Rata-rata jumlah denda yang dikenakan ialah sekitar \$10.00 ke \$25.00 atau penjara tidak lebih dari tiga bulan atau kedua-duanya sekali. Jika dilihat dalam konteks zaman itu,

Enakmen 1912 ialah sebanyak \$250.00 bagi kesalahan berzina manakala jumlah yang paling rendah pula ialah 50 sen bagi kesalahan tidak bersembahyang Fardu Jumaat di masjid. Jumlah denda-denda tersebut walaupun nampak ringan tetapi merupakan suatu jumlah yang besar jika dilihat dalam konteks tahun 1912 iaitu ketika Brunei mengalami zaman kemerosotan.

Kesimpulan

Enakmen 1912 atau *Muhammadian Laws* adalah sebagai titik bermulanya sistem perundangan yang lebih tersusun bagi Negara Brunei Darussalam. Pembaharuan yang dapat dilihat melalui enakmen tersebut adalah dari segi keadilan iaitu pembelaan ke atas kaum wanita dan pembanterasan maksiat yang melanda masyarakat Islam pada masa itu. Undang-undang tersebut telah memansuhkan undang-undang yang terdapat dalam *Hukum Kanun Brunei* dan akta ini kemudiannya dilengkapi lagi dengan Enakmen Perkahwinan dan Perceraian Islam, No. 3/1913 yang berkuat kuasa sehingga tahun 1955. Sistem perundangan di Brunei terns mengalami perubahan demi perubahan sejajar dengan peredaran masa dan keadaan masyarakat Brunei yang semakin moden dengan sistem perundangan yang lebih teratur.